

TARIKH	12 / 2 / 2014	SEKSYEN	NATIONAL
MUKA SURAT	B5	RUANGAN	BISNES

## Takaful Malaysia guna sistem Microsoft

» Kerjasama strategik tingkat pengurusan infrastruktur IT

Oleh Zuraidah Mohamed  
zmohamed@bh.com.my

Syarikat Takaful Malaysia Bhd (Takaful Malaysia) menjalin kerjasama strategik dengan Microsoft Malaysia bagi menggunakan Pusat Sistem Microsoft 2012 dalam pengurusan infrastruktur teknologi maklumat (IT) syarikat, sejajar rancangan pengukuhan pertumbuhan perniagaannya.

Ketua Pegawai Maklumat Takaful Malaysia, Patrick Wong, berkata pemilihan Microsoft sebagai rakan teknologinya ber-



Wong (tengah), bersama Hicks (kanan) dan Chou **ketika taklimat media** di Kuala Lumpur, semalam. (FOTO ASYRAF HAMZAH/BH)

mula akhir tahun lalu berjaya meningkatkan kecekapan IT syarikat itu sebanyak 40 peratus serta mengurangkan kos operasi sebanyak 27 peratus.

Kawalan serta pulangan pelaburan yang lebih baik memberi-

kan keyakinan kepada Takaful Malaysia untuk terus menerajui strategi baru dan perkhidmatan IT bagi menyokong keseluruhan rancangan perniagaan syarikat.

Takaful Malaysia adalah

syarikat insurans berlandaskan syariah terbesar negara yang menyediakan produk insurans am, hayat dan kesihatan kepada lebih sejuta pelanggan menerusi 31 cawangan seluruh negara.

### Tambah baik prasarana IT

"Justeru, penambahbaikan berterusan terhadap prasarana IT dilihat perlu bagi membantu kelancaran kakitangan dalam pekerjaan mereka sekali gus memberikan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan.

"Berdasarkan pulangan baik setakat ini, kami berhasrat meneruskan pelaburan masa depan dengan Microsoft berikutan hampir 90 rangkaian Takaful Malaysia kini mengguna pakai Pusat Sistem Microsoft 2012," katanya dalam satu taklimat media di Kuala Lumpur, semalam.

Yang hadir sama, Pengarah Kanan Pusat Data dan Jualan Cloud Microsoft Asia Pasifik, Patterson Hicks dan Pengurus Perunding Utama Redynamics Asia System Management Sdn Bhd, Raymond Chou.

Redynamics adalah penyedia sistem bersepadu dan pemain tulen bagi Pusat Sistem Microsoft, Hyper-V dan pakar Cloud di Asia yang menyediakan penyelesaian berkenaan untuk Takaful Malaysia.